



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak,
01990 Kangar
Perlis

Tel. : 04 - 9737 777
Faks : 04 - 9767 080
JPN Cawangan : 04-9767410
Laman Web : www.jpnp Perlis.gov.my
E-mel : jpnp Perlis@moe.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPNPs.SPMU.UHEM.800-5/6/5(62)
Tarikh : 02 Januari 2023

Ketua Pegawai Eksekutif
ME12PAY Digital Sdn. Bhd.,
2-19-01 Worldwide@ 7 Jalan Lazuardi 7/29,
Section 7, 40000 Shah Alam,
Tuan,

PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM GO-DIGITAL SEKOLAH TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH UNTUK TAHUN 2023-2024

Dengan hormatnya saya diarah merujuk surat ME/2022/11/01 bertarikh 01 November 2022 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Perlis telah menerima dan meneliti permohonan pihak tuan untuk melaksanakan Program Go-Digital Sekolah Tahun 2023-2024. Jabatan Pendidikan Negeri Perlis tiada halangan bagi memberi kelulusan kepada permohonan pihak tuan

3. Sehubungan dengan itu, Pihak tuan perlu mengadakan perbincangan dengan pengetua dan guru besar sekolah yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik bagi melaksanakan program berkenaan memandangkan murid yang terlibat adalah dibawah pentadbiran sekolah berkenaan di samping perlu mematuhi syarat-syarat berikut;

- 3.1. Mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan pengetua/guru besar sekolah berkenaan;
- 3.2. ***Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;***
- 3.3. Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.4. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dalam program ini;
- 3.5. Murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dalam program ini;
- 3.6. Penyertaan murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;

/.....2


- 3.7. Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, sekolah , pegawai/guru yang terlibat
 - 3.8. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung kos pengangkutan program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makanan dan minum;
 - 3.9. Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;
 - 3.10. Pihak tuan perlu mematuhi segala garis panduan pengurusan dan pengoperasian Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang berkuat kuasa;
 - 3.11. Jabatan Pendidikan Negeri Perlis berhak menarik balik surat kelulusan /kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM , KKM , MKN dan JPN.
4. Untuk makluman tuan, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis sentiasa melindungi Masa Instuksional (MMI) iaitu masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian pihak kami mencadangkan supaya penyertaan murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu PdP Murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.
5. Kelulusan ini (**Permohonan Pelaksanaan Program Go-Digital Sekolah Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah Untuk Tahun 2023-2024**) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas 17 Disember 2023. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada En Mohd Yazam bin Mohd Said di talian 012-5252940.

Kerjasama dan keprihatinan tuan berkaitan program di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(CHE RASAI BIN CHE YOB)

Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid)
b.p. Pengarah Pendidikan Perlis

s.k. 1. Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Perlis

2. Guru Besar Sekolah-Sekolah Rendah Negeri Perlis

YZM/..